

Inisiatif bendung produk, alat ganti tiruan

PERODUA mengambil inisiatif menganjurkan sesi perjumpaan bersama pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP) di ibu pejabatnya di Sungai Choh, Rawang, Selangor baru-baru ini.

Inisiatif itu bertujuan menghalang perkembangan produk dan alat ganti tiruan dalam pasaran yang semakin berleluasa.

Pengarah Urusan Perodua Sales Sdn Bhd, Datuk Dr Zahari Husin berkata, pihaknya sedar terdapat banyak produk dan alat ganti tiruan yang menggunakan jenama Perodua dan sukar dibezakan dengan yang tulen.

"Pelanggan boleh terpedaya membeli dan menggunakan barangan tiruan ini pada kenderaan mereka. Sekiranya ini berlaku, ia bukan sahaja akan membatalkan waranti tetapi boleh menjejaskan keselamatan dan keadaan kenderaan mereka," kata-



Zahari (kanan) menyampaikan momento kepada Suhalmi di Ibu Pejabat Perodua di Sungai Choh, Rawang, Selangor baru-baru ini.

nya menerusi kenyataan.

Melalui pertemuan itu, sesi taklimat menyeluruh turut diadakan oleh pengedar servis dan stokis terpilih kepada kira-kira 120 pegawai penguatkuasa KPDNHEP, memberi pengenalan kepada pelbagai produk dan alat ganti Perodua, di mana produk dan alat ganti tersebut dijual, aliran logistik dan kaedah membezakan barangan tulen dan tiruan.

Turut serta Timbalan Pengarah Penguatkuasa (Pencegahan) KPDNHEP,

Suhaimi Mat Sari.

Zahari berkata, pihaknya juga berharap orang ramai tidak terjebak dengan taktik peniaga yang menjual barangan tiruan Perodua.

"Produk dan alat ganti tulen Perodua boleh didapati dengan harga yang berpatutan dan memberikan ketenangan minda sepenuhnya. Sebagai alternatif, kami juga menawarkan produk dan alat ganti ProGanti yang lebih mampu milik dan tetap diuji serta diperakui Perodua," katanya.